

Tarikh : 17 Jun 2022

No. Rujukan : EL26130002

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN MSPO KE ATAS LEBIJAYA SDN. BHD.

Lebijaya Sdn. Bhd. telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2013 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:

1. Nama unit pengurusan : **Lebijaya Sdn. Bhd.**
2. Tarikh mula audit : **15 Ogos 2022**
3. Tarikh akhir audit : **18 Ogos 2022**
4. Lokasi audit : **CL 095332228, Litang, Kinabatangan, Sabah, Malaysia.**
5. Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit : **250 Ha**
6. Standard yang digunakan : MS 2530-3:2013
: Standard ini boleh dibeli melalui <http://www.msonline.gov.my/catalog.php>
1) Dzulfiqar Azmi
2) Mohd Zulfakar Kamaruzaman
7. Ahli pasukan audit : **3) Mohd Ab Raouf Asisi**

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 15 Ogos 2022**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,



Kamini A/P Sooriamorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



ACB ABMS 01
ACB EnMS 01
ACB FMC 02
ACB GMP 04
ACB HACCP 03
ACB MSPO 05
ACB PS 03
MIBAS 003



ACB EMS 02
ACB FSMS 01
ACB ISMS 01
ACB MDQMS 04
ACB OSHMS 01
ACB PC 01
ACB QMS 01



SAMM 085
SAMM 086
SAMM 087
SAMM 240
SAMM 377
SAMM 734
SAMM 735



0074



